

Headline **Bengkel Berjaya Buka Minda**  
 Date **04. Jul 2008**  
 Media Title **Utusan Malaysia**  
 Section **Supplement**  
 Circulation **238082**  
 Readership **833287**

Language **MALAY**  
 Page No **10**  
 Article Size **793** cm2  
 Frequency **Daily**  
 Color **Full Color**



# Bengkel berjaya buka minda



**P**ESERTA Bengkel Lanjutan Usahawan Cendawan Mega-UPM dan Agrobank menyifatkan program tersebut mampu membuka minda mereka mengenai perusahaan tanaman itu yang mempunyai potensi untuk diusahakan.

Bagi Khizhir Mohamed, 54, dari Muar Johor, sebelum menyertainya, dia mengandaikan bahawa kaedah menanam cendawan agak rumit tetapi apabila mempelajari teknik yang betul, ia mudah dilakukan.

"Saya datang dari Kampung Kesang Laut dengan menaiki motosikal, semata-mata untuk mempelajari kaedah menanam cendawan dan puas hati kerana telah faham mengenainya," ujarnya.

Khizhir berpendapat, program seumpama itu wajar diteruskan supaya lebih ramai mahir dan menguasai teknik penanaman cendawan dengan betul.

Bagi bekas pengetua, Mohd. Adnan Abdullah dari Besut Terengganu, selepas menyertai bengkel tersebut, dia akan membuka ladang cendawan sendiri bagi mencapai impiannya untuk menjadi usahawan cendawan.

"Bengkel ini amat baik dan banyak membuka minda mengenai perusahaan cendawan tiram kelabu," ujarnya yang pernah bertugas di Sekolah Menengah



**NORMAH IBRAHIM**



**STEPHANIE LIM**



**JAMILAH KAMARUDIN**

Kebangsaan (A), Nurul Ittifaq, Besut.

Dia juga semakin yakin untuk menceburi perusahaan cendawan dan akan mendapatkan bantuan lanjut daripada pihak berkaitan, khususnya Jabatan Pertanian.

Seorang lagi peserta, Stephanie Lim, 30, berkata, dia menyertai bengkel tersebut untuk mengetahui lebih lanjut kaedah-kaedah dan potensi tanaman cendawan di negara ini.

"Sebelum ini, saya selalu melihat di televisyen sahaja, tetapi dengan menyertai bengkel ini, saya sendiri dapat merasai pengalaman," katanya.

Bagi graduan Universiti Putra Malaysia (UPM), Jamilah Kamarudin, 26, dia berpendapat bengkel

tersebut perlu diperkemas lagi dengan menambah aspek latihan amali untuk peserta.

"Lepas ini saya hendak berkecimpung dalam pertanian dan bengkel ini boleh membantu saya memahami teknik penanaman dan masa depan perusahaan cendawan," ujarnya.

Keempat-empat peserta terbabit merupakan sebahagian daripada 36 peserta yang terpilih menyertai bengkel lanjutan tersebut daripada hampir 300 orang yang menghadiri bengkel pengenalan yang diadakan pada 18 Mei lalu.

Seorang lagi peserta, Mohamad Hashim Abdullah pula menyatakan penghargaan kepada sisipan Mega, Utusan

<< **PESERTA** tekun mengisi media tanaman ke dalam polibag pada bengkel di UPM, baru-baru ini.

Malaysia, kerana tidak jemu-jemu mempromosi bidang pertanian untuk faedah pembacanya.

"Saya tidak pernah ketinggalan membaca Mega, terutama setiap hari Jumaat untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai pertanian.

"Terima kasih kepada Utusan Malaysia," katanya yang dilantik sebagai Tok Pengulu di kalangan kumpulan tersebut.

Sementara itu menurut menurut Penolong Pegawai Pertanian, Bahagian Padi, Taman Industri dan Florikultur Jabatan Pertanian, Putrajaya, Normah Ibrahim, permintaan terhadap cendawan di negara ini pasti akan meningkat kerana beberapa sebab antaranya, pertukaran cita rasa pengguna, jumlah penduduk meningkat dan wujudnya kekepan kepada kesihatan.

"Rakyat Malaysia telah mempunyai kesedaran dan pengetahuan mengenai khasiat cendawan dan ini mendorong mereka memakannya lebih kerap," ujarnya.

## Telinga kera

Kata beliau pada 2005, dengan jumlah penduduk sebanyak 25 juta, rakyat Malaysia memakan 8,100 tan cendawan setahun.

Namun pada 2020, jika rakyat negara ini mencapai 70 juta, penggunaan cendawan meningkat dari 324 gram setiap orang setahun kepada dua kilogram dan jumlah yang diperlukan ketika itu ialah 140,000 kilogram setahun.

Beliau menambah, selain spesies tiram kelabu, beberapa spesies lain juga berpotensi yang dikomersialkan antaranya Shiitake, telinga kera, jerami Ling zhi dan berangan.

Bengkel kali ini memberi peluang kepada peserta untuk melakukan sendiri cara-cara penyediaan polibag dan media tanaman hingga, aspek penjagaan, pengukusan dan penyuntikan serta kaedah merangka pelan perniagaan untuk membuat pinjaman bank dari Agrobank.

Seperti mana pada bengkel pengenalan, ia turut melibatkan Agrobank dan Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemaju Profesional (APEEC) Universiti Putra Malaysia.

Latihan amali dilakukan di Unit Taman Cendawan, Seksyen Penyelidikan dan Agroteknologi, Taman Pertanian Universiti (TPU), UPM manakala ceramah dan bengkel lain di Institut Pembangunan Pertanian Agrobank (ABADI), Bangi, Selangor. - **LAUPA JUNUS**.



BAGI yang berminat untuk melibatkan diri dengan tanaman cendawan tiram kelabu, satu kursus akan diadakan pada 12 dan 13 Julai ini yang dibuka penerbitannya kepada umum.

Kursus berkenaan akan diadakan di Rumah Cendawan, Unit Tanaman Cendawan Seksyen penyelidikan dan Agroteknologi, Taman Pertanian Universiti Putera Malaysia (UPM).

Setiap peserta akan dikenakan bayaran

RM400 seorang dan mereka yang berminat perlu membuat permohonan sebelum atau pada 10 Julai.

Kursus tersebut adalah anjuran bersama Persatuan Jurutera Pertanian Malaysia (MSAE) dan Unit Tanaman Cendawan, Seksyen penyelidikan dan Agroteknologi, Taman pertanian UPM.

Bagi mendapatkan Maklumat lanjut sila hubungi urus setia di talian:

- Mohd Yarmizi Isahak: 03-89467307
- Salbiah Md.Tap: 03-89467318, 012-3948719
- Hasnul Hadi Hussain: 012-3774475
- Arman Kamari : 03-89467287.

Pembayaran bengkel secara tunai dengan menghubungi talian 012-3948719 atau 03-89467318 atau boleh dibayar menerusi draf bank, wang pos, kiriman wang pos di atas nama MALAYSIAN SOCIETY OF AGRICULTURAL ENGINEERS.

## Kursus penanaman cendawan